

Pesta Angin Timur Perlis 2026 pacu pelancongan, ekonomi

Kangar: Pesta Angin Timur (PAT) Perlis 2026 disifatkan sebagai platform penting dalam memacu sektor pelancongan negeri selain berperanan memelihara warisan seni dan budaya tempatan.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, bertitah penganjuran pesta berkenaan bukan sekadar acara perayaan semata-mata, sebaliknya satu strategi memperkenalkan keunikan budaya dan tradisi Perlis kepada pelancong dalam dan luar negara.

“Ia sekali gus mengukuhkan imej Perlis destinasi pelancongan budaya berdaya saing.

“Selain itu, penganjuran PAT turut memberi impak positif kepada ekonomi rakyat, khususnya peniaga kecil dan sederhana, penggiat seni, usahawan kreatif serta komuniti setempat melalui peluang penajaan pendapatan dan pengembangan jaringan perniagaan,” titah baginda pada Majlis Perasmian Pesta Angin Timur Perlis 2026 di Dataran La-

pang Kangar Jaya, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohd Yusri Mohd Yusoff, yang mewakili Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Besar Perlis merangkap Exco Pelancongan dan Seni Budaya Perlis, Abu Bakar Hamzah; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Rahimi Ismail serta barisan EXCO kerajaan negeri.

Baginda turut menzahirkan harapan agar penganjuran program seumpama itu terus diperkasakan menerusi kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, selain sokongan sektor swasta serta komuniti setempat.

“Kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan manfaat penganjuran dapat dinikmati secara berterusan tanpa mengahakis identiti dan nilai tradisi Perlis,” titah baginda.



Antara peserta yang memeriahkan Pesta Angin Timur Perlis 2026 di Kangar, semalam.

(Foto BERNAMA)